



NOTIS PEMBERITAHUAN

KEKOSONGAN DAN PEMILIHAN AHLI MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

DI BAWAH SEKSYEN 3A(1)(e) AKTA PERUBATAN 1971

Sukacita dimaklumkan, terdapat sembilan (9) kekosongan jawatan dalam Majlis Perubatan Malaysia (MPM) di bawah Seksyen 3A(1)(e) Akta Perubatan 1971 bagi mewakili negeri-negeri di **Semenanjung Malaysia**. Berdasarkan Peraturan-Peraturan Perubatan 2017, di bawah Akta tersebut, satu pemilihan untuk mengisi kekosongan tersebut akan diadakan pada **Julai 2025**.

Bagi tujuan tersebut hanya Pengamal Perubatan **warganegara Malaysia** yang mempunyai Perakuan Amalan Tahunan semasa (**PAT 2025**) yang sah permohonannya dengan alamat tempat amalan utama di **Semenanjung Malaysia** adalah layak untuk dicalonkan.

Pencadang dan penyokong merupakan Pengamal Perubatan **warganegara Malaysia** yang juga mempunyai Perakuan Amalan Tahunan (**PAT 2025**) semasa yang sah dengan alamat tempat amalan utama di **Semenanjung Malaysia**.

Borang Penamaan Calon ([Borang 1](#)) boleh didapati daripada **Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Perubatan Malaysia**, di alamat Aras 1, Blok C Jalan

Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur ataupun dimuat turun daripada laman sesawang rasmi Majlis Perubatan Malaysia iaitu mmc.gov.my.

Borang Penamaan Calon berserta maklumat kelayakan ([satu muka surat CV menggunakan format CV yang disediakan](#)) hendaklah sampai kepada **Pegawai Pengurus, Majlis Perubatan Malaysia**, di alamat Aras 1, Blok C, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur secara **Serahan Tangan, Pos** atau **diemelkan** kepada alamat election@mmc.gov.my tidak lewat daripada **Jam 4.00 petang** pada **7 Mac 2025 (Jumaat)**. Permohonan yang lewat akan ditolak.

Mana-mana calon boleh **menarik balik** pencalonannya dalam tempoh **tujuh (7)** hari dari tarikh penghantaran borang penamaan melalui notis bertulis dengan diserahkan kepada Pegawai Pengurus secara **Serahan Tangan, Pos** atau **diemelkan** kepada alamat election@mmc.gov.my. Penarikan balik pencalonan adalah muktamad.

Sebagai makluman, **warganegara Malaysia yang merupakan Pengamal Perubatan Berdaftar yang hanya mempunyai PAT 2025 sehingga 31 Mac 2025** (berdasarkan rekod MPM), dan menyenaraikan mana-mana **negeri di Semenanjung Malaysia** sebagai **tempat amalan utama** mereka adalah **layak mengundi**.

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN

PEGAWAI PENGURUS

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

TEL: 03-2691 2171



NOTICE

ELECTION FOR THE VACANCY IN THE MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL

UNDER SECTION 3A(1)(e) OF THE MEDICAL ACT 1971

It is hereby announced that there will be vacancies in Malaysian Medical Council (MMC) for nine (9) elected members to represent **Peninsular Malaysia** under Section 3A(1)(e) of the Medical Act 1971. In accordance with the Medical Regulations 2017 enacted under the said Act, an election to fill these vacancies shall be held in **July 2025**.

For this purpose, all fully registered Medical Practitioners who are Malaysian citizens possessing an Annual Practising Certificate (**APC 2025**) stating their principal address of practice in **Peninsular Malaysia** are eligible to be nominated to fill these vacancies.

The nominees shall be proposed and seconded by fully Registered Medical Practitioners who are also Malaysian citizens possessing a current Annual Practising Certificate (**APC 2025**) stating their principal address of practice in **Peninsular Malaysia**.

Nomination Forms ([Form 1](#)) may be obtained from the **Chief Executive Officer, Malaysian Medical Council**, 1st Floor, Block C, Jalan Cenderasari 50590 Kuala Lumpur or could be downloaded from Council's website at mmc.gov.my.

All nomination with a curriculum vitae ([one-page A4 size using the provided CV format](#)) should reach the Returning Officer, Malaysian Medical Council, at 1st Floor, Block C, Jalan Cenderasari 50590 Kuala Lumpur **By Hand, Post** or **Email election@mmc.gov.my** not later than **4.00 pm** on **7th Mac 2025 (Friday)**. Late applications shall be rejected.

Any candidate may **withdraw** his candidature within the period of **seven (7)** days from the date of submission of nomination form by notice in writing and delivered to the Returning Officer **by Hand, Post** or **Email election@mmc.gov.my**. The withdrawal of nomination is **final**.

Please take note, ONLY Malaysians who are Registered Medical Practitioners having an APC year 2025 up till 31st March 2025 (based on the MMC records), listing **Peninsular Malaysia** as their main place of practice, will be **eligible to vote**.

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN

RETURNING OFFICER

MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL

TEL: 03-2691 2171